

KHUTBAH JUMAAT

“PALESTIN: PERJUANGAN TANPA NOKTAH” (20 Oktober 2023M/ 05 Rabiulakhir 1445H)

الْحَمْدُ لِلّٰهِ، الْحَمْدُ لِلّٰهِ الذِّي خَلَقَ الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ، وَأَمَرَنَا
بِالْتَّقْوَىٰ وَالْحُلْقِ الْكَرِيمِ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَ عَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، إِتَّقُوا اللّٰهَ
حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Takwa dan iman adalah pelita yang menyinari hati dan kalbu kita, memimpin ke jalan yang benar, memenuhi jiwa dengan kebaikan dan rahmah, menghakis sifat yang buruk dalam hati dan menggantikan kebencian dengan kasih sayang, memandu ke arah kesejahteraan dan keamanan, di dunia dan di akhirat. Justeru, marilah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan dengan menunaikan perintah dan menjauhi tegahan Allah *subhanahu wata'ala*. Mudah-mudahan kita menjadi umat yang terbaik, mampu menjadi contoh dan ikutan umat-umat yang lain.

Khatib ingin mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menghilangkan pahala Jumaat. Kandungan mimbar pada hari ini akan membicarakan secara khusus tajuk "**Palestin: Perjuangan Tanpa Noktah**".

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Palestin merupakan sebuah negara berdaulat yang sebahagian besar rakyatnya terdiri daripada Bangsa Arab beragama Islam. Masjid al-Aqsa yang terletak di Palestin pula merupakan kiblat pertama umat Islam, kemudian ditukarkan ke arah Masjid al-Haram atau Kaabah di Makkatul Mukarramah.

Konflik yang berlaku antara Palestin dan Israel bukanlah suatu perkara baharu dalam lembaran sejarah ketamadunan manusia. Sejak dari penubuhan negara haram Israel pada 15 Mei 1948, kita dapatiti bahawa konflik tersebut telah berlangsung sejak lebih enam dekad.

Israel telah menjadi negara pengganas selama 73 tahun sejak berlakunya peristiwa Nakbah atau malapetaka pada 15 Mei 1948. Peristiwa ini membawa kepada penubuhan Negara Israel di atas 77 peratus tanah Palestin yang dirampas. Ia juga turut dikaitkan dengan pengusiran 800 ribu rakyat Palestin yang menjadikan mereka sebagai pelarian. Al-Quran telah merakamkan bahawa kaum yahudi merupakan kaum yang paling dahsyat ganasnya dan melampau dalam memerangi para Rasul-Nya. Allah *subhanahu wata'ala* menyatakan dalam Surah al-Baqarah, ayat 61:

... وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الْذَّلَّةُ وَالْمَسْكَنَةُ وَبَاءُوا بِغَضَبٍ مِّنَ اللَّهِ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ
كَانُوا يَكْفُرُونَ بِإِيمَانِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ النَّبِيِّنَ بِغَيْرِ الْحَقِّ ذَلِكَ بِمَا عَصَوْا
وَكَانُوا يَعْتَدُونَ

Maksudnya: ... *Dan mereka ditimpakan dengan kehinaan dan kepapaan, dan sepatutnya mereka mendapat kemurkaan daripada Allah. Hal yang demikian itu, disebabkan mereka kufur (mengingkari) terhadap ayat-ayat Allah (perintah-perintah dan mukjizat-mukjizat yang membuktikan kebesaran-Nya); dan mereka pula membunuh para nabi tanpa sebarang alasan yang benar. Oleh yang demikian, perkara itu berlaku kerana mereka menderhakai Allah dan mereka pula sentiasa melampaui batas.*

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Isu di Palestin bukanlah isu negara dan agama semata-mata. Bahkan jika dilihat dari kaca mata insani, ia merupakan isu kemanusiaan sejagat yang boleh dinilai daripada naluri kemanusiaan. Maka, setiap jiwa yang memiliki sifat perikemanusiaan pastinya tidak tahan melihat saban hari ada sahaja serangan, pencerobohan, pembunuhan, dan penculikan yang dilakukan oleh rejim zionis Israel terhadap rakyat Palestin.

Serangan roket yang dilakukan ke wilayah yang dijajah Israel oleh pejuang Palestin merupakan manifestasi tindak balas mereka terhadap segala kezaliman, penindasan dan pembunuhan yang berterusan selama bertahun-tahun oleh rejim zionis terhadap seluruh rakyat Palestin dan Gaza secara khususnya. Walaupun Rejim Zionis Israel mendakwa bahawa penduduk Palestin telah menganiaya mereka dengan serangan tersebut, namun hakikatnya, tindakan mereka lebih teruk lagi. Mereka mengebom tempat-tempat awam seperti rumah kediaman, sekolah, masjid, bahkan hospital.

Antaranya, ialah serangan udara terhadap Hospital al-Ahli di Bandar Gaza pada 18 Oktober 2023 yang lalu telah mengorbankan lebih daripada 500 orang termasuklah wanita dan kebanyakannya ialah kanak-kanak dan mencederakan ratusan orang.

Menjadikan hospital dan sekolah sebagai sasaran serangan ketenteraan bukanlah perkara baru bagi rejim zionis Israel. Pada awal Oktober lalu serangan udara Israel telah memusnahkan sebuah sekolah di Kem Pelarian al-Maghazi yang dikendalikan oleh UNRWA iaitu sebuah agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa terhadap Pelarian Palestin dan telah mengorbankan lebih dari enam orang. Pada 6 Januari 2009 pula, seramai lebih daripada 40 orang telah terbunuh dalam serangan oleh tentera Israel ke atas Sekolah al-Fakhura di Kem Jabalia. Di tempat yang sama pada tahun 2014, serangan Israel telah mengorbankan 15 orang dan kebanyakannya wanita dan kanak-kanak serta mencederakan lebih daripada 100 orang. Serangan Israel ke atas Hospital al-Aqsa di Gaza pada tahun 2014 juga telah menyebabkan 4 orang terbunuh dan mencederakan puluhan yang lain.

Selain itu, krisis kemanusiaan di Gaza kini menjadi semakin parah apabila bekalan keperluan asas seperti makanan, minuman dan ubat-ubatan mula kehabisan kerana bekalan bantuan daripada luar masih tidak dibenarkan untuk memasuki sempadan Gaza.

Sesungguhnya, perjuangan penduduk palestin mempertahankan negara mereka merupakan suatu pembuktian kepada sabdaan Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*. Dalam sebuah hadis, Abu

Umamah radiallahu anhu meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((لَا تَرَالُ طَائِفَةٌ مِّنْ أُمَّتِي عَلَى الْحَقِّ ظَاهِرِينَ لَعَدُوُهُمْ قَاهِرِينَ لَا يَضُرُّهُمْ مَنْ خَالَفُهُمْ إِلَّا مَا أَصَابُهُمْ مِّنْ لَأْوَاءِ حَتَّىٰ يَأْتِيهِمْ أَمْرُ اللَّهِ وَهُمْ كَذِيلُكَ قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَأَيْنَ هُمْ قَالَ بَيْتُ الْمَقْدِسِ وَأَكْنَافُ بَيْتِ الْمَقْدِسِ))

Maksudnya: Akan sentiasa wujud daripada umatku, sekumpulan yang terus menegakkan kebenaran dan tegas mendepani musuh. Tidak memudaratkan perjuangan mereka walaupun dipinggirkan dan dirintangi kesusahan, melainkan semua itu hanyalah ujian, sehingga datang ketentuan Allah. Mereka akan tetap sedemikian". Sahabat bertanya, "Di mana mereka itu?" Baginda menjawab, "Mereka berada di Baitul Maqdis dan di kawasan sekitarnya".

(*Hadis riwayat Imam Ahmad*)

Kaum muslimin yang berbahagia,

Isu Palestin merupakan isu besar dan seharusnya menjadi agenda utama umat Islam sejagat. Seluruh dunia Islam hendaklah meletakkan pembebasan bumi Palestin sebagai agenda penting. Setiap umat Islam mempunyai tanggungjawab untuk sama-sama berusaha dengan apa cara sekalipun membantu rakyat Palestin membebaskan tanah air mereka daripada pencerobohan dan penjajahan rejim zionis Israel, terutama sekali Masjid al-Aqsa yang terletak di tanah suci Baitul Maqdis.

Perjuangan membebaskan Palestin merupakan perjuangan yang tidak bernoktah. Selagi rejim Zionis menguasai negara itu, maka selagi itulah setiap umat Islam bertanggungjawab mempertahankannya. Sedarlah bahawa kaum Yahudi tidak akan berhenti menyakiti umat Islam walaupun perjanjian demi perjanjian telah dibuat. Inilah sikap kaum Yahudi yang disebutkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Anfal, ayat 55 – 56:

إِنَّ شَرَّ الَّذِيْوَابِ عِنْدَ اللَّهِ الَّذِيْنَ كَفَرُواْ فَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ . الَّذِيْنَ عَاهَدْتَ مِنْهُمْ
ثُمَّ يَنْقُضُونَ عَاهَدَهُمْ فِي كُلِّ مَرَّةٍ وَهُمْ لَا يَتَّقُونَ

Maksudnya: Sesungguhnya sejhat-jahat (*makhluk*) yang melata di sisi (*hukum dan ketetapan*) Allah ialah orang yang *kafir* (*yang degil dengan kekufurannya*). Sebab itu mereka tidak (*mahu*) beriman. (*Iaitu*) orang yang engkau telah mengikat perjanjian setia dengan mereka, kemudian mereka mencabuli perjanjian setianya pada tiap-tiap kali, sedang mereka tidak *mahu* memelihara dirinya (*dari keaiban mencabuli perjanjian itu*).

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sebelum mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin mengajak umat Islam sekalian, marilah kita bersama-sama menyatakan sokongan terhadap rakyat Palestin dengan memanjatkan doa yang bersungguh-sungguh kepada Allah *subhanahu wata'ala* agar mereka sentiasa diberi perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka.

pada kesempatan ini, Majlis Islam Sarawak menyeru seluruh umat Islam di Sarawak untuk bersama-sama memberikan sumbangan Musa'adah Tabung Kecemasan Misi Kemanusiaan Kepada Rakyat Palestin melalui kutipan Sadaq Jumaat di masjid dan surau berjumaat seluruh Sarawak pada hari ini, Jumaat, 20 oktober 2023. Semoga harta yang kita infakkan ini diterima oleh Allah *subhanahu wata'ala*.

Justeru, rumusan daripada khutbah pada hari ini, antaranya ialah :

Pertama : Negara Palestin merupakan sebuah negara Islam yang berdaulat dan termaktub dalam peta dunia manakala tertubuhnya negara haram Israel ialah dengan cara yang tidak bertamadun pernah dicatatkan dalam lembaran sejarah dunia.

Kedua : Kaum Yahudi sememangnya disebutkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* sebagai bangsa yang sering melampau dan sering memungkiri janjinya.

Ketiga : Kita bertanggungjawab menyatakan pendirian dan sokongan serta memberikan bantuan terhadap penduduk Palestin yang bermati-matian mempertahankan dan membebaskan negara mereka dari cengkaman zalim rejim zionis Israel kerana mereka berhak mendapatkan kebebasan di tanah air mereka yang telah dirampas.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Hajj, ayat 60-61:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ . بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ .

﴿ذَلِكَ وَمَنْ عَاقَبَ بِمِثْلِ مَا عَوَقَبَ بِهِ ثُمَّ بُغِيَ عَلَيْهِ لَيْنَصْرَنَهُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ لَعَفُوٌ غَفُورٌ . ذَلِكَ بِأَنَّ اللَّهَ يُولِجُ الْلَّيلَ فِي النَّهَارِ وَيُولِجُ النَّهَارَ فِي الْلَّيلِ وَأَنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ بَصِيرٌ﴾

Maksudnya: Demikianlah (*janji balasan Allah yang melimpah-limpah itu*). Dan sesiapa yang membalas kejahatan orang, sama seperti yang dilakukan kepadanya, kemudian dia dianiaya lagi, demi sesungguhnya Allah akan menolongnya. (*Dalam pada itu ingatlah*) sesungguhnya Allah Maha Pemaaf, lagi Maha Pengampun. (*Pertolongan yang dijanjikan Allah tetap berlaku*) kerana Allah berkuasa menukargantikan sesuatu keadaan sebagaimana kuasa-Nya memasukkan malam pada siang dan memasukkan siang pada malam (*silih berganti*); dan (*ingatlah*) sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ. الْحَمْدُ لِلّٰهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمْرَ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فِيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

قَالَ اللّٰهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسِلِّمُوا تَسْلِيمًا اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلُّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلُّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلُّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلُّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ.

وَارْضَى اللّٰهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيَّينَ، سَادَاتِنَا أَيُّهُ بَكْرٌ وَعُمَرٌ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذْلِلَ الْمُعْتَدِينَ الظَّالِمِينَ، وَدَمِرْ أَعْدَاءَكَ
أَعْدَاءَ الدِّينِ. اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِينَ الَّذِينَ قَتَلُوا إِخْوَانَنَا
الْمُسْلِمِينَ فِي فَلَسْطِينَ، اللَّهُمَّ بَدِّلْ شَمْلَهُمْ وَفَرِقْ جَمْعَهُمْ، وَشَتِّتْ
كَلِمَاتَهُمْ، وَزَلْزِلْ أَقْدَامَهُمْ، وَسَلْطْ عَلَيْهِمْ كُلُّا مِنْ كِلَابِكَ، يَا قَهَّارَ يَا
جَبَّارُ، يَا مُنْتَقِمُ، يَا اللَّهُ يَا اللَّهُ يَا اللَّهُ.

اللَّهُمَّ يَا مُنْزِلَ الْكِتَابِ، وَيَا مُجْرِيَ السَّحَابِ، وَيَا هَازِمَ الْأَخْرَابِ،
إِهْزِمْهُمْ وَانْصُرْنَا عَلَيْهِمْ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا فِي كُلِّ مَكَانٍ وَخُصُوصًا فِي بِلَادِ فَلَسْطِينَ، وَارْفَعْ
عَنْهُمُ الْقَحْطَ وَالْبَلَاءَ وَالْحَرْبَ وَالْأَعْتِدَاءَ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan perlanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan

kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan kefaian. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami (orang Islam) di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

رَبَّنَا أُتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينٌ،
أَمِينٌ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَيْهِ الْحُسَانُ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَدْكُرُكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.